



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



BUKU PANDUAN DAN PERATURAN **CUTI** **SANGKUTAN** **INDUSTRI**



**ISI KANDUNGAN SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN CUTI
SANGKUTAN INDUSTRI (CSI) UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. TUJUAN	1
2. TAFSIRAN	1
3. BENTUK SANGKUTAN INDUSTRI	2
4. KELAYAKAN	2 - 3
5. TEMPOH	3
6. KEMUDAHAN DAN FAEDAH	3 - 4
7. KUASA MELULUSKAN	4
8. PANDUAN PEMILIHAN TEMPAT	4
9. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI	4 - 5
10. TATATERTIB DAN PENGLIBATAN DALAM PEKERJAAN	5
11. LAPORAN	5 - 6
12. IKATAN	6
13. PROSEDUR MEMOHON	6
14. HAK UNIVERSITI	7

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN CUTI SANGKUTAN INDUSTRI (CSI) UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

TUJUAN

1. Cuti Sangkutan Industri bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai untuk menambahluas pengalaman iktisas atau profesional dalam industri bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan profesionalisme pegawai dalam bidang masing-masing.

TAFSIRAN

2. Istilah yang digunakan dalam Syarat – Syarat dan Peraturan Cuti Sangkutan Industri ini adalah seperti berikut;

- a) “**Pegawai**” merujuk kepada staf yang berkhidmat secara tetap di Universiti.
- b) “**Kelayakan Profesional**” merujuk kepada kelayakan yang menunjukkan kemahiran atau penguasaan dalam bidang seperti Ir., P.Eng., Sr., Ar. dan sebagainya.
- c) “**Jawatankuasa Eksekutif**” merujuk kepada Pihak Berkuasa Universiti yang meluluskan permohonan.
- d) “**Sektor Awam**” merujuk kepada syarikat atau agensi kerajaan.
- e) “**Sektor Swasta**” merujuk kepada syarikat atau agensi bukan kerajaan.
- f) “**Universiti**” merujuk kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- g) “**Urus Setia**” merujuk kepada Bahagian / Unit yang mengendalikan pengurusan Cuti Sangkutan Industri.
- h) “**Industri**” merujuk sesuatu tempat latihan boleh dilaksanakan

BENTUK SANGKUTAN INDUSTRI

3. Cuti Sangkutan Industri boleh dijalankan sama ada dalam bentuk latihan / pengalaman kerja di industri yang sesuai dengan bidang yang berkaitan dengan kepakaran pegawai bertujuan untuk:

- a) memperolehi pengalaman kerja bagi mendapatkan kelayakan profesional di dalam sesuatu bidang; atau
- b) memperolehi pengalaman kerja di industri bagi pegawai, di sektor awam ataupun sektor swasta; atau
- c) menambah dan meluaskan pengalaman pegawai dalam bidangnya atau meneroka bidang baru bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran .

KELAYAKAN

4. Pegawai boleh dipertimbangkan untuk menjalani Cuti Sangkutan Industri sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
- c) disahkan dalam perkhidmatan;
- d) pada tarikh melapor diri selepas Cuti Sangkutan Industri, pegawai hendaklah mempunyai baki perkhidmatan sekurang-kurangnya dua (2) tahun ; dan
- e) tidak ditahan kerja atau di bawah mana-mana prosiding jenayah di mahkamah atau tata tertib universiti.

5. Pegawai hendaklah sekurang-kurangnya telah kembali bertugas selama dua (2) tahun selepas cuti belajar atau cuti yang melebihi enam (6) bulan.

6. Bagi pegawai yang telah mendapat kelayakan profesional, pegawai berkenaan adalah tidak layak untuk menggunakan kemudahan ini.

7. Bagi staf akademik perlu mengajar dan melengkapkan sekurang-kurangnya satu (1) semester pengajaran dalam satu sesi pengajian yang sama sebelum memulakan Cuti Sangkutan Industri.

TEMPOH

8. Tempoh Cuti Sangkutan Industri pegawai antara tiga (3) hingga 12 bulan sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai. Walaupun pegawai diluluskan Cuti Sangkutan Industri selama 12 bulan, namun ini tidak melayakkan pegawai dibayar elaun keluarga.

KEMUDAHAN DAN FAEDAH

9. Pegawai layak dibayar elaun mengikut kadar dan syarat – syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005 dan pekeliling – pekeliling semasa yang terpakai sahaja.
10. Pegawai hendaklah menunjukkan bukti penerimaan secara rasmi daripada tempat yang dipilih untuk menjalani Cuti Sangkutan Industri.
11. Pegawai juga hendaklah memaklumkan kepada pihak Universiti berkenaan apa-apa juga honorium / sumbangan kewangan yang diterima daripada mana-mana pihak luar semasa Cuti Sangkutan Industri.
12. Pihak Universiti berhak membuat sebarang penyelarasan semula elaun yang diterima oleh pegawai sepanjang tempoh menjalani Cuti Sangkutan Industri.
13. Pegawai yang mengikuti Cuti Sangkutan Industri hendaklah menghabiskan semua cuti rehat yang beliau layak sebelum memulakan Cuti Sangkutan Industri tersebut. Cuti rehat dianggap luput sebaik sahaja pegawai memulakan Cuti Sangkutan Industri.
14. Bagi pegawai yang mengambil Cuti Sangkutan Industri melebihi sembilan (9) bulan dan mengikuti Cuti Sangkutan Industri di luar negara boleh dibenarkan mengambil cuti maksimum selama tujuh hari sebaik sahaja tamat Cuti Sangkutan Industrinya

sekiranya mempunyai baki cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan sebelum memulakan Cuti Sangkutan Industri. Kelayakan cuti rehat akan dikira mulai tarikh pegawai melapor diri untuk bertugas semula.

KUASA MELULUSKAN

15. Semua permohonan yang layak akan dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bagi mendapatkan kelulusan.

PANDUAN PEMILIHAN TEMPAT

16. Pegawai yang ingin mengikuti Cuti Sangkutan Industri perlu mendapatkan tempat latihan yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) boleh dilaksanakan di sektor awam atau sektor swasta;
- b) sekiranya dijalankan di sektor swasta, syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- c) tempat latihan hendaklah menyediakan pegawai berkeelayakan profesional untuk menyelia;
- d) program Cuti Sangkutan Industri akan memberi nilai tambah (*value added*) kepada pegawai dan Universiti;
- e) mempunyai *structured training programme* yang sesuai dengan keperluan pegawai; dan
- f) latihan boleh dibuat di dalam atau di luar negara.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

17. Pegawai sedang menjalani Cuti Sangkutan Industri adalah bertanggungjawab mematuhi undang-undang peraturan serta arahan yang ditentukan tempat Cuti Sangkutan Industri dan masih terikat kepada peraturan Perkhidmatan Awam.

18. Pertukaran Tempat Cuti Sangkutan Industri
- i. Pegawai hendaklah menjalani latihan di tempat yang telah dipersetujui di peringkat awal sehingga tamat latihan.

- ii. Pegawai tidak dibenarkan menukar tempat latihan Cuti Sangkutan Industri yang ditetapkan kecuali dengan kebenaran daripada Jawatankuasa Eksekutif.

19. Kerahsiaan

Pegawai hendaklah menggunakan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi daripada latihan ini hanya untuk tujuan pembelajaran dalam latihan yang dikendalikan di masa akan datang tanpa mendedahkan maklumat **sulit** yang boleh menjejaskan firma tempat latihan yang berkenaan. Semua bahan yang dibukukan sebagai laporan hendaklah mendapat kebenaran daripada pegawai di tempat latihan.

TATATERTIB DAN PENGLIBATAN DALAM PEKERJAAN

20. Pegawai dalam tempoh Cuti Sangkutan Industri tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj), 2000 (Akta 605) dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

21. Pegawai yang menjalankan Cuti Sangkutan Industri tidak dibenarkan terlibat dalam apa-apa jua aktiviti secara langsung atau tidak langsung yang difikirkan oleh universiti tidak berfaedah kepada pegawai dan universiti.

LAPORAN

22. Pegawai yang melapor diri bertugas semula sebaik sahaja Cuti Sangkutan Industrinya tamat, mesti mengemukakan laporan dalam tempoh 30 hari selepas melapor diri.

23. Pegawai yang gagal menghantar laporan dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan diberi pertimbangan untuk mendapatkan Cuti Sangkutan Industri pada masa hadapan dan boleh diambil tindakan tatatertib berdasarkan Akta 605.

24. Pegawai hendaklah mengemukakan laporan berdasarkan format yang ditetapkan oleh pihak Urus Setia.

25. Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah berpuas hati dengan laporan yang disediakan untuk kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bagi pegawai (Akademik) / Pendaftar bagi pegawai (Bukan Akademik).

IKATAN

26. Pegawai yang hendak mengikuti Cuti Sangkutan Industri dikehendaki membuat ikatan perjanjian dengan Universiti. Perjanjian Cuti Sangkutan Industri seperti dalam **Lampiran 1**.

27. Pegawai yang diluluskan Cuti Sangkutan Industri mesti menyempurnakan ikatan perjanjian dengan dua (2) orang penjamin sebelum memulakan Cuti Sangkutan Industri, membuat akujanji akan berkhidmat dengan Universiti selama tempoh;

- a) 12 bulan dari tarikh melapor diri untuk bertugas sekiranya Cuti Sangkutan Industri diambil dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan; atau
- b) 24 bulan dari tarikh melapor diri untuk bertugas sekiranya Cuti Sangkutan Industri diambil melebihi tempoh enam (6) bulan.

28. Kadar tuntutan ganti rugi akibat daripada pelanggaran mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian Cuti Sangkutan Industri dikehendaki untuk membayar RM30,000.00 atau kos sebenar (mengikut mana yang lebih tinggi) yang telah dibelanjakan oleh Universiti.

PROSEDUR MEMOHON

29. Pemohon dikehendaki menggunakan borang permohonan seperti **Lampiran 2** pemohon dikehendaki memohon sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tarikh memulakan Cuti Sangkutan Industri.

HAK UNIVERSITI

30. Universiti berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat di atas pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang makluman dan pegawai adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.

31. Universiti berhak menarik balik kelulusan Cuti Sangkutan Industri atau menamatkan Perjanjian Cuti Sangkutan Industri pegawai dengan memberi notis bertulis pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab.



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PERJANJIAN CUTI SANGKUTAN INDUSTRI**

Perjanjian ini diperbuat pada haribulan 20.....

DI ANTARA

.....
No. Kad Pengenalan yang beralamat di
..... (Kemudian
daripada ini disebut sebagai 'PEGAWAI' sebagai pihak pertama;

dengan

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

(Kemudian daripada ini disebut sebagai 'UNIVERSITI) sebagai pihak kedua;

DAN

.....(HURUF BESAR)
No. Kad Pengenalan yang beralamat di

dan

(HURUF BESAR)

No. Kad Pengenalan yang beralamat di

.....(Kemudian
daripada ini disebut sebagai 'PENJAMIN-PENJAMIN') sebagai pihak ketiga.

DAN

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang beralamat di 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor (kemudian daripada ini disebut sebagai “**UNIVERSITI**”) disatu pihak yang lain;

BAHAWASANYA:

- (A) PEGAWAI adalah staf UNIVERSITI yang telah memenuhi syarat-syarat dan kelayakan untuk memohon cuti bagi tujuan sangkutan di industri (kemudian daripada ini disebut sebagai “**cuti sangkutan di industri tersebut**”); dan
- (B) UNIVERSITI telah bersetuju meluluskan permohonan cuti sangkutan di industri tersebut mengikut sebagaimana yang dinyatakan di dalam Surat Kelulusan Cuti Sangkutan Di Industri / Syarat-syarat dan Peraturan Cuti Sangkutan Industri yang dilampirkan di **Lampiran Satu**, Perjanjian ini (kemudian daripada ini disebut sebagai “**surat kelulusan tersebut**”) tertakluk kepada syarat-syarat di dalam perjanjian ini.
- (C) PENJAMIN-PENJAMIN dan tiap-tiap seorang daripada mereka dengan ini secara bersama dan perseorangan berjanji dengan UNIVERSITI bahawa tiap-tiap syarat dan arahan di bawah ini akan semuanya dipenuhi oleh PEGAWAI.
- (D) PENJAMIN-PENJAMIN bersetuju menjamin dan bertanggungjawab di atas segala kerugian yang ditanggung oleh UNIVERSITI disebabkan keingkaran PEGAWAI dalam melaksanakan syarat dan terima di dalam perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:



TEMPOH CUTI SANGKUTAN DI INDUSTRI

1. Cuti sangkutan di industri tersebut hendaklah berkuatkuasa mengikut tempoh sebagaimana yang ditetapkan di dalam surat kelulusan tersebut (kemudian daripada ini disebut sebagai “**tempoh tersebut**”). Walau bagaimanapun, UNIVERSITI boleh menamatkan perjanjian ini lebih awal pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut masih berkuatkuasa.


TEMPOH IKATAN PERKHIDMATAN

2. Sebagai balasan kelulusan cuti sangkutan di industri tersebut, PEGAWAI dengan ini adalah terikat dengan perjanjian perkhidmatan dengan UNIVERSITI untuk tempoh:

- (a) selama 12 bulan sekiranya Cuti Sangkutan Industri diambil dalam tempoh tiga (3) hingga enam (6) bulan atau 24 bulan daripada tarikh PEGAWAI melapor diri selepas tempoh cuti sangkutan di industri tersebut tamat.
- (b) selama 24 bulan sekiranya Cuti Sangkutan Industri diambil melebihi tempoh enam (6) bulan daripada tarikh PEGAWAI melapor diri selepas tempoh cuti sangkutan di industri tersebut tamat.

ELAUN KHAS CUTI SANGKUTAN DI INDUSTRI

3. Dalam tempoh cuti sangkutan di industri tersebut berkuatkuasa, selain daripada gaji dan elaun-elaun yang PEGAWAI berkelayakan, PEGAWAI layak dibayar **elaun mengikut kadar dan syarat – syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005 dan pekeliing – pekeliing semasa yang terpakai** sahaja tertakluk kepada syarat-syarat di dalam perjanjian ini.



TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

4. PEGAWAI dengan ini bersetuju bahawa:
 - (a) akan memasuki dan dengan sesungguhnya menjalani program cuti sangkutan di industri tersebut mengikut sebagaimana yang diluluskan dan dikehendaki oleh UNIVERSITI mengikut butir-butir yang dinyatakan di dalam surat kelulusan tersebut;
 - (b) PEGAWAI akan menyempurnakan dan menamatkan program cuti sangkutan di industri tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan tersebut atau dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh UNIVERSITI dari semasa ke semasa;
 - (c) mengisytiharkan kepada UNIVERSITI sekiranya PEGAWAI mendapat bantuan berbentuk kewangan yang serupa seperti yang diberikan oleh UNIVERSITI daripada pihak lain;
 - (d) selain daripada laporan yang dinyatakan di perenggan 7 Perjanjian ini, PEGAWAI juga hendaklah menghantar laporan berkenaan cuti sangkutan di industri tersebut kepada UNIVERSITI sekiranya diminta dari semasa ke semasa;
 - (e) mematuhi segala arahan-arahan UNIVERSITI yang berhubungan dengan perjanjian ini dari semasa ke semasa;
 - (f) bersedia untuk dipanggil berkhidmat di UNIVERSITI pada bila-bila masa sekiranya khidmat PEGAWAI diperlukan oleh UNIVERSITI;
 - (g) sepanjang tempoh cuti sangkutan di industri tersebut, PEGAWAI tidak akan mengambil bahagian dalam apa-apa juga kegiatan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang difikirkan oleh UNIVERSITI tidak berfaedah atau boleh memudaratkan PEGAWAI atau UNIVERSITI atau negara;

- (h) PEGAWAI akan menjaga nama baik UNIVERSITI dengan menjaga tatakelakuan PEGAWAI sepanjang menjalani tempoh cuti sangkutan di industri tersebut; dan
- (i) PEGAWAI akan sentiasa mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan yang terpakai sama ada di UNIVERSITI atau di Malaysia atau di mana-mana tempat lain PEGAWAI ditempatkan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang atau tindakan tatatertib sekiranya melanggar mana-mana peruntukan tersebut.

TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI

5. Sebagai balasan bagi perkara-perkara tersebut di atas, UNIVERSITI dengan ini bersetuju:

- (a) membayar kepada PEGAWAI, gaji serta elaun-elaun yang layak diperolehi oleh PEGAWAI sepanjang cuti sangkutan di industri tersebut kecuali elaun pentadbiran yang PEGAWAI berkelayakan sebelum cuti sangkutan di industri tersebut diluluskan.
- (b) walau apa pun peruntukan perjanjian ini seperti yang disebutkan di atas, UNIVERSITI berhak untuk tidak memenuhi tanggungjawab yang disebutkan dalam perenggan 5(a) di atas sekiranya PEGAWAI menerima bantuan kewangan yang serupa daripada pihak lain melainkan setelah mendapat kelulusan Naib Canselor dan setelah pelarasan mengenai bantuan kewangan tersebut dibuat oleh UNIVERSITI.

CUTI REHAT

6. Sekiranya PEGAWAI mengikuti Cuti Sangkutan Industri melebihi:
 - (a).tiga (3) bulan, PEGAWAI hendaklah menghabiskan semua cuti rehat yang beliau layak sebelum memulakan Cuti Sangkutan Industri tersebut bagi mengelakkan cuti rehat tersebut luput.
 - (b).sembilan (9) bulan dan mengikuti Cuti Sangkutan Industri di luar negara boleh dibenarkan mengambil cuti maksimum selama tujuh hari sebaik sahaja tamat Cuti Sangkutan Industrinya yang dikira daripada cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan sebelum memulakan Cuti Sangkutan Industri.

Kelayakan cuti rehat akan dikira mulai tarikh PEGAWAI melapor diri untuk bertugas semula.

LAPORAN

7. PEGAWAI hendaklah mengemukakan laporan lengkap aktiviti PEGAWAI sepanjang tempoh cuti sangkutan di industri tersebut dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas PEGAWAI melapor diri di UNIVERSITI. PEGAWAI yang gagal menghantar laporan dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan diberi pertimbangan untuk mendapatkan Cuti Sangkutan Industri pada masa hadapan dan boleh diambil tindakan tatatertib berdasarkan Akta 605.

PENAMATAN PERJANJIAN

8. Adalah dipersetujui bahawa, jika dalam tempoh cuti sangkutan di industri tersebut, PEGAWAI melanggar mana-mana peruntukan di dalam perjanjian ini atau enggan mematuhi arahan-arahan yang disampaikan oleh UNIVERSITI kepada PEGAWAI, maka UNIVERSITI boleh menamatkan perjanjian ini dan menuntut gantirugi sebagaimana dinyatakan di perenggan 9(2) perjanjian ini, dan dengan itu, tanpa menyentuh tanggungjawab UNIVERSITI di dalam Perjanjian ini, PEGAWAI terhenti daripada menerima apa-apa faedah di bawah Perjanjian ini.

9. Maka dalam tiap-tiap hal yang demikian PEGAWAI dan PENJAMIN-PENJAMIN secara bersama dan perseorangan adalah bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima pemberian hak mereka, membayar balik kepada UNIVERSITI gantirugi sebanyak atau semua wang yang telah dibayar kepada PEGAWAI atau bagi pihaknya secara gaji, elaun-elaun atau selainnya dan semua wang yang telah dibelanjakan atau tanggungannya telah diterima oleh UNIVERSITI secara yuran, tambang dan lain-lain yang bersangkutan dengan atau disebabkan oleh perjanjian ini mengikut mana yang lebih banyak.

TUNTUTAN GANTIRUGI

10. (1) Adalah dipersetujui bahawa jika PEGAWAI:
- (a) meninggalkan program cuti sangkutan di industri tersebut sebelum tamat tempoh yang ditetapkan tanpa persetujuan UNIVERSITI; atau
 - (b) melanggar mana-mana peruntukan perjanjian ini; atau
 - (c) dibuang kerja oleh UNIVERSITI dalam tempoh cuti sangkutan di industri tersebut; atau
 - (d) telah meletak jawatan dan meninggalkan UNIVERSITI dalam tempoh cuti sangkutan di industri tersebut atau dalam tempoh ikatan perkhidmatan PEGAWAI masih berkuatkuasa;
- (2) Maka dalam tiap-tiap hal yang demikian PEGAWAI hendaklah membayar kepada UNIVERSITI gantirugi sebanyak Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Ribu Sahaja (RM30,000.00) atau kos sebenar (mengikut mana yang lebih tinggi) yang telah dibelanjakan oleh Universiti .

PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

11. Perjanjian ini hendaklah sentiasa tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia iaitu Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj), 2000 (Akta 605) dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

PENYAMPAIAN NOTIS

12. Apa-apa notis atau makluman atau tuntutan berkaitan perjanjian ini hendaklah dianggap sah dan telah disampaikan pada tarikh dan hari yang dicatatkan di dalam akuan penerimaan sekiranya dibuat secara bertulis dan disampaikan dengan tangan atau pos berdaftar ke alamat seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian ini.

SURAT KELULUSAN

13. Adalah dipersetujui bahawa Surat Kelulusan Cuti Sangkutan Industri Rujukan:.....bertarikhhendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian penting perjanjian ini.

CONTOH



PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, pihak-pihak kepada perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH).....
PEGAWAI)

Di hadapan).....
(tandatangan saksi)

Nama Saksi :
No. Kad Pengenalan:
Pekerjaan:
Alamat:
.....
.....

DITANDATANGANI OLEH).....
PENDAFTAR bagi pihak)
UNIVERSITI TUN HUSSEIN)
ONN MALAYSIA)

Di hadapan).....
(tandatangan saksi)

Nama Saksi :
No. Kad Pengenalan:
Pekerjaan:
Alamat:
.....
.....

DITANDATANGANI OLEH)

PENJAMIN pertama)

Di hadapan)

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan:

Pekerjaan:

Alamat:

.....

.....
(Tandatangan Saksi)

DITANDATANGANI OLEH)

PENJAMIN kedua)

Di hadapan)

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan:

Pekerjaan:

Alamat:

.....

.....
(Tandatangan Saksi)

CONTOH



 UTHM Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) BORANG PERMOHONAN CUTI SANGKUTAN INDUSTRI
--	---

(Catatan : Borang ini mengandungi 5 muka surat yang bercetak)

1. Nama : _____
2. Jawatan/Gred : _____
2. No. Pekerja : _____ Jabatan/Fakulti/Pusat : _____
3. Bidang Kepekaran Penyelidikan : _____
4. Penempatan Industri yang lalu (jika ada) :
Tarikh Mula : _____ Tempoh (bulan) : _____
5. Penempatan Industri yang dipohon sekarang :
Tarikh Mula : _____ Tempoh (bulan) : _____
6. Rancangan Pengajian/Penyelidikan yang dicadangkan semasa mengikuti program Penempatan Industri :
 - a. Industri/Tempat Pengajian : _____

 - b. Penyelia : _____
 - c. Rancangan Pengajian/Penyelidikan :
(Sila kemukakan rancangan pengajian/penyelidikan dengan terperinci di atas kertas yang berasingan)
 - d. Hubungan rancangan pengajian/penyelidikan pemohon dengan pengajaran atau penyelidikannya serta faedah kepada Universiti dan negara:

e. Persetujuan Institusi dan Penyelia untuk menerima pemohon menjalankan program Penempatan Industri yang dicadangkan :

(Sila kemukakan surat persetujuan)

f. Sebab-sebab memilih Institusi/Tempat Pengajian/Penyelidikan yang dicadangkan :

7. Jika 6(f) 'di luar Malaysia', sila beri sebab-sebab: Mengapa perlu ke luar Malaysia?

8. Butir-butir biasiswa, bantuan, hadiah atau bantuan pengajian/penyelidikan yang telah ditawarkan ataupun dipohon :

_____ Tarikh _____ Tandatangan Pemohon

9. **PENGESAHAN OLEH PEGAWAI UNIT PERKHIDMATAN, CUTI DAN PERSARAAN, BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, PEJABAT PENDAFTAR**

Adalah dengan ini disahkan bahawa, Buku Perkhidmatan bagi Yg. Bhg. Prof./Tuan/Puan _____ telah disemak dan diakui maklumat-maklumat yang diberikan oleh pegawai di atas adalah benar.

_____ Tarikh (_____)

Tandatangan & Cop Jawatan

10. **ULASAN DAN PENGAKUAN DEKAN/KETUA JABATAN**

a. Hubungan rancangan penyelidikan/pengajian pemohon dengan pengajaran atau penyelidikannya dan faedahnya kepada negara, Universiti dan staf berkenaan.

b. Samada tempat yang dipohon terbaik sekali untuk rancangan yang dikemukakan.


c. Samada pemohon dapat dibebaskan daripada tanggungjawab di Jabatan bagi tempoh yang dipohon.

d. Pandangan lain (jika ada) :

Tarikh

(_____)


Tandatangan & Cop Jawatan





GARIS PANDUAN MENYEDIAKAN KERTAS CADANGAN CUTI SANGKUTAN INDUSTRI

1. Menyediakan kertas cadangan dalam tiga (3) muka surat mengenai permohonan menjalani Cuti Sangkutan Industri.
2. Menyediakan cadangan penuh maklumat yang perlu disediakan seperti berikut:
 - 2.1 Keperluan Cuti Sangkutan Industri bagaimana cadangan anda boleh memenuhi keperluan pembangunan kerja anda. Apakah faedah kepada pelajar, universiti dan negara.
 - 2.2 Deskripsi keseluruhan cadangan. Anda nyatakan objektif, apakah yang hendak dicapai dan bagaimana anda mengukur pencapaian tersebut. Jelaskan aktiviti Cuti Sangkutan Industri dan terangkan apakah yang akan anda lalui.
 - 2.3 Hasil yang dijangkakan. Terangkan jangkaan anda samaada pada pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan
 - 2.4 Jelaskan bukti menerangkan hasil yang dijangkakan.
 - 2.5 Relevannya aktiviti Cuti Sangkutan Industri anda dengan keadaan semasa terutama untuk menambahbaik pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di universiti.
 - 2.6 Lain-lain faedah sekiranya ada.
 - 2.7 Menyediakan maklumat bagi dua (2) orang rujukan yang boleh memberi ulasan mengenai cadangan Cuti Sangkutan Industri anda.

CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN CUTI SANGKUTAN INDUSTRI







“Semua hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dari e-book ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam system yang boleh diperbaiki, atau disiarkan dalam mana-mana bentuk atau dengan mana-mana alat, elektronik, mekanikal, fotokopi, perakaman atau sebaliknya, tanpa keizinan dari Unit Pengembangan Kompetensi, Pejabat Pendaftar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



Di sediakan oleh :

Unit Pengembangan Kompetensi
Bahagian Pengurusan Organisasi dan Kompetensi
Pejabat Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

07-453 7126/7136 Unit Pengembangan Kompetensi UTHM
<http://pendaftar.uthm.edu.my>